

**SEKOLAH PENDIDIKAN PROFESIONAL DAN PENDIDIKAN BERTERUSAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

USB.01/04.01/10.12/22(4)

15 November 2011

**PEKELILING MAHASISWA
BIL.4/2011**

PERINGATAN BERKAITAN PEPERIKSAAN KHAS

Adalah dimaklumkan bahawa semua mahasiswa Pengajian Separuh Masa *UTMSPACE* diperingatkan untuk mematuhi Perkara-Perkara Penting yang dikeluarkan pada setiap semester dan Peraturan Akademik terutamanya berkaitan Peperiksaan Khas pada setiap semester. Bahagian VII, Perkara 4 : Peperiksaan Khas, menjelaskan bahawa:-

- (1) *Peperiksaan Khas boleh diadakan bagi kes berikut:-*
- (i) *Pelajar yang tidak dapat menduduki peperiksaan akhir semester kerana disahkan sakit dan diperakukan oleh pegawai perubatan Universiti atau hospital kerajaan atau atas sebab-sebab yang boleh di terima oleh Universiti, atau*
 - (ii) *Pelajar semester akhir yang lulus dengan taraf Kedudukan Baik (KB), tetapi gagal dalam SATU (1) kursus yang diambil dalam mana-mana DUA (2) semester terakhir pengajian, kecuali semester di mana pelajar menjalani Latihan Praktikal/Industri.*

Sehubungan itu, mahasiswa perlu mengemukakan Borang Maklumat Permohonan Peperiksaan Khas dan Kes Khas Peperiksaan kepada pihak *UTMSPACE*. Keputusan permohonan adalah tertakluk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Senat Mengenai Keputusan Peperiksaan.


Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Senat Mengenai Keputusan Peperiksaan Semester I, Sesi 2010/2011 pada 29 Disember 2010 telah menetapkan bahawa kadar Yuran Peperiksaan Khas dinaikkan kepada **RM 200.00/kursus**. Kenaikan kadar yuran ini berkuatkuasa mulai Semester I, Sesi 2011/2012.

Justeru, mahasiswa adalah dinasihatkan supaya sentiasa mematuhi Peraturan Akademik dan peka dalam menjalankan tanggungjawab sebagai Mahasiswa Pengajian Separuh Masa *UTMSPACE*. Segala maklumat berkaitan Pengajian Separuh Masa disediakan dalam Portal Pelajar di laman sesawang : www.utmspace.utm.my.

Sekian, terima kasih.

"MENJANA MINDA KREATIF DAN INOVATIF"

Yang benar



PROF. MADYA SR. DR. MOHD ZULKIFLI BIN MOHD YUNUS
Pengarah
Pusat Pengajian Separuh Masa
UTMSPACE

- s.k - Dekan, *UTMSPACE*
- Pemangku Pengurus, Pusat Pengajian Separuh Masa, *UTMSPACE*
 - Ketua Jabatan (Program Luar), Fakulti-Fakulti UTM
 - Pengurus Besar, Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi *UTMSPACE*
 - Pengurus Kanan, Bahagian Kewangan *UTMSPACE*